



Pelajar di Kampung Tilis, Tenom terpaksa memanjat bukit hampir 30 hingga 40 minit untuk mendapat capaian internet. (Foto hiasan)

Ambil serius urus isu capaian internet di Sabah: Senator

Kuala Lumpur: Senator Dewan Negara dari Sabah semalam meminta supaya pihak yang berkenaan mengambil serius usaha menguruskan isu capaian internet di negeri itu yang didakwa masih dihadapi oleh banyak kawasan kampung.

Senator Adrian Lasimbang, berkata masih banyak kawasan kampung di Sabah berhadapan dengan masalah capaian internet dan ia memberi impak pada akses pembelajaran dalam talian ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

“Contohnya Kampung Tilis, Tenom, apabila pelajar terpaksa memanjat bukit hampir 30 hingga 40 minit untuk mendapat capaian internet,” katanya pada sidang media yang turut dihadiri Senator Alan Ling dan Senator Nga Hock Cheh, di bangunan

 **Masih banyak kawasan kampung di Sabah berhadapan dengan masalah capaian internet dan ia memberi impak pada akses pembelajaran dalam talian.**

Adrian Lasimbang,
Senator

Parlimen, di sini semalam.

Sehubungan itu, beliau meminta Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Zahidi Zainul Abidin, menje-

laskan rancangan bersepadu merangkumi wilayah dan garis masa konkrit untuk pelaksanaan Jalinan Digital Negara (JENDELA).

Katanya, Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) di bawah kerajaan sebelum ini menyasarkan 20 peratus capaian internet di setiap premis kawasan separa bandar dan pedalaman dengan kelajuan 500 Mbps pada 2022.

Pada sidang media itu, mereka turut menuntut Zahidi dan Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Abdul Rahim Bakri, membuat permohonan maaf secara rasmi dalam sidang Dewan Negara berikutan kenyataan mereka berhubung isu pelajar Veveonah Mosibin, yang terpaksa memanjat pokok bagi mendapatkan akses internet. BERNAMA